

Kerajaan belum buat keputusan

Rancangan untuk mengurangkan kadar tol

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, buat masa ini kerajaan masih belum membuat keputusan mengenai kaedah mengurangkan kadar tol.

Mengulas kenyataan bekas Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin bahawa kerajaan mampu mengurangkan kadar tol sehingga 25 peratus, beliau berkata, terdapat beberapa cadangan daripada pihak swasta untuk mengambil alih konsesi lebuhraya tetapi kadar yang boleh di-

kurangkan tidak sampai 25 peratus.

“Kita sekarang menghadapi masalah, walaupun kita buat janji untuk hapus tol tetapi apabila tol dihapuskan, tanggungan kerajaan akan meningkat amat tinggi sekali.

“Umpamanya, kalau hapus tol Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), kerajaan kena beli lebuhraya itu dengan harga RM30 bilion. Lebih baik belanja bayar hutang, boleh kita kurang sedikit beban kita,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara di sini semalam.

Bersetuju dengan pendapat Daim bahawa sokongan rakyat terhadap kerajaan Pakatan Harapan (PH) akan meningkat jika kadar tol dapat dikurangkan, Dr Mahathir berkata: “Rakyat akan berasa lega



Dr Mahathir (tengah) diiringi Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (kanan) hadir untuk mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2019 di Kementerian Kewangan di Putrajaya semalam.

tidak perlu bayar tol tetapi kerajaan akan rasa tak lega kerana tol akan dibayar oleh kerajaan.”

Mengenai permohonan Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia su-

peraya kerajaan memberikan kuota khas sekurang-kurangnya 20 peratus kepada kontraktor Bumiputera untuk terlibat dalam kerja-kerja awam projek Laluan Rel Pantai Timur

(ECRL), Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneliti perkara itu.

“Kita ada tentukan supaya kontraktor tempatan dapat tempat tetapi sama ada mereka Bumiputera

atau bukan Bumiputera belum ditentukan,” katanya.

Ditanya mengenai insentif Hari Raya Aidilfitri untuk peneroka Felda, Dr Mahathir meminta perkara itu ditanyakan kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali

“Kita tak bincang tentang Felda (hari ini) tetapi kita telah bincang mengenai Felda banyak kali dalam forum lain dan kita ada cadangan lain untuk memperbaiki keadaan di Felda,” katanya.

Majlis Permuafakatan NGO Felda (MPNF) terbaru ini meminta kerajaan mempertimbangkan pemberian insentif atau duit raya kepada 112,635 peneroka Felda di seluruh negara seperti amalan yang dilakukan sejak 2011, - *Bernama*